

Mahathir diminta terus terajui UMNO

UM 12 MAY 2002

SHAH ALAM 11 Mei — Kalangan pemimpin UMNO mahu Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terus memimpin UMNO sehingga barisan pemimpin pelapis benar-benar bersedia mengambil alih kepemimpinan parti.

Mereka menyatakan kepimpinan Perdana Menteri amat diperlukan kerana hanya melalui UMNO yang kuat, nasib orang Melayu dapat dibela dan seterusnya mudah disatupadukan.

Bagi mereka, pembabitan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO juga perlu digembleng dengan lebih aktif supaya UMNO terus menjadi penyambung kepada perjuangan memartabatkan bangsa Melayu, agama Islam dan negara.

Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Najib Tun Razak** berkata, perjuangan dan kepimpinan Dr. Mahathir perlu diteruskan dalam menyediakan barisan pelapis yang terdiri daripada Pemuda dan Puteri UMNO.

Ini kerana, kata beliau, pembabitan Pemuda dan Puteri telah menimbulkan semangat baru dalam UMNO untuk terus berjuang demi kepentingan orang Melayu.

"UMNO perlu meneruskan perjuangan membela orang Melayu dan kepimpinan Perdana Menteri perlu untuk menyediakan barisan pelapis," katanya ketika mengulas ucapatama yang disampaikan oleh Dr. Mahathir pada sambutan ulang tahun penubuhan UMNO ke-56 di Stadium Malawati di sini hari ini.

Cabaran

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, **Datuk Mustapha Mohamed** berkata, ucapatama yang disampaikan oleh Dr. Mahathir itu mengingatkan pentingnya barisan pelapis meneruskan perjuangan UMNO.

Jelasnya, ia juga sebagai ingatan kepada orang Melayu mengenai pentingnya perpaduan.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, **Datuk Hishammuddin Tun Hussein** pula berkata, pihaknya akan memastikan ahli pergerakan itu menghayati perjuangan UMNO yang sebenar agar martabat bangsa Melayu terus dapat ditingkatkan.

Untuk tujuan tersebut, katanya, Pemuda sedang berganding bahu dengan Wanita dan Puteri UMNO bagi membawa anak bangsa menempuh cabaran masa depan yang semakin mencabar.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, **Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo** berkata, untuk mencapai kejayaan Pemuda dan Puteri harus sanggup berkorban memperjuangkan matlamat UMNO.